

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2016

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2
Ogos 2016

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi **Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4** berdasarkan teks *Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah untuk memperkasakan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi dan kekangannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kaum wanita pada zaman dahulu sering dikaitkan dengan peranan mereka sebagai suri rumah, tetapi kini pencapaian wanita sudah memasuki fasa yang lebih luas dan cemerlang serta berjaya memecahkan dominasi lelaki, sama ada dalam bidang kepimpinan, pentadbiran, mahupun keusahawanan. Oleh sebab golongan wanita di negara ini mewakili separuh daripada jumlah penduduk negara, penglibatan mereka dalam pembangunan ekonomi sangat penting untuk meningkatkan pendapatan negara dan sekali gus membantu meningkatkan status sosioekonomi keluarga.

Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, menyeru supaya sektor swasta turut meningkatkan penyertaan wanita di Malaysia dalam jawatan peringkat tertinggi seperti Ketua Pegawai Eksekutif dan anggota lembaga pengarah. Beliau juga menyarankan syarikat korporat membuka mata untuk menilai kebolehan wanita dari sudut yang lebih signifikan. Dalam memperkasakan kuasa wanita sebagai antara agen pembangunan ekonomi negara, pada tahun 1989, kerajaan mengambil inisiatif untuk menggubal Dasar Wanita Negara. Penggubalan dasar ini memperlihatkan komitmen kerajaan yang bertujuan untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara, di samping menjaga kepentingan dan penyertaan wanita supaya tidak diketepikan. Selain itu, usaha ke arah menjamin perkongsian yang saksama antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat juga dilaksanakan. Usahawan wanita hendaklah meneroka peluang dan faedah yang wujud daripada pembangunan. Bagi memastikan golongan wanita dapat terus memacu pendapatan syarikat, usahawan wanita negara ini diseru untuk mendaftar dengan mana-mana persatuan usahawan. Hal ini bagi membolehkan mereka mendapat lebih banyak maklumat, khususnya tentang peluang untuk mengembangkan perniagaan, meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan, di samping membina rangkaian kerja yang lebih kukuh. Usahawan wanita perlu mendekati diri dengan jaringan yang sesuai dan menjalinkan rangkaian yang lebih luas untuk menjana pendapatan perniagaan masing-masing. Mereka juga perlu berusaha untuk merebut peluang atau peruntukan yang boleh dimanfaatkan.

Jabatan Pembangunan Wanita juga wajar meningkatkan kerjasama dengan institusi lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) agar dapat memperkasakan kegiatan keusahawanan. Hal ini dapat dijadikan landasan yang baik untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan di negara ini. Pada masa yang sama, langkah peningkatan kerjasama yang diambil sekurang-kurangnya membolehkan usahawan wanita terus membangun dan meningkatkan kemahiran, di samping berupaya mengenal pasti kelemahan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kedudukan Wanita dalam Pembangunan Ekonomi'
oleh Mahathir Mahazar,
Dewan Ekonomi, Ogos 2012

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *meningkatkan status* [2 markah]

(ii) Usahawan wanita akan mendapat maklumat jika mereka mendaftar dengan persatuan usahawan.

Nyatakan maklumat-maklumat tersebut. [3 markah]

(iii) Wanita perlu memiliki ilmu yang tinggi dan kemahiran untuk berjaya dalam bidang keusahawanan.

Pada pendapat anda, apakah kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh usahawan wanita agar mereka lebih cemerlang dalam bidang keusahawanan?

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Betapa tak bangganya? Aiman bermaksud insan yang beriman. Aduh, terukir senyuman lebar menabiri wajahnya! Aqil pula bermakna yang berakal. Insan dianugerahi akal untuk berfikir secara rasional dan matang, berbeza daripada haiwan. Kebanggaannya kian menguntum dan terkelopak kembang mawar mewangi menyentuhi deria penghiduan.

“Objek yang terlambung di udara pasti akan jatuh ke bumi kecuali tersangkut di dahanan utuh ataupun reranting teguh.” Ketawa berderai meriuhkan suasana kelas.

Perlahan-lahan Aiman bangun. “Newton ambil ingatan akan daya graviti dapat menetapkan kedekatan bulan dengan bumi.”

“Maksudnya?” Satu lagi pertanyaan terlantun daripada Cikgu Faridah, yang menggelari dirinya profesor, kerana yang didepaninya murid pintar dan mempunyai IQ yang tinggi.

“Alam semesta sebaik-baik kejadian pada sisi Allah Taala.” Riuuh gemuruh terus berterusan menyambut jawapan ringkasnya.

Wajah Cikgu Faridah spontan berubah, memercikkan darah amarah yang nampaknya macam tidak terkawal, tidak terbatal. Sedar akan hakikat itu, cepat-cepat Aiman membetulkan jawapannya.

Dipetik daripada cerpen
‘Hipertensi’ oleh Illias Zaidi
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Sasbadi Sdn. Bhd.

- (i) Apakah maksud di sebalik nama Aiman Aqil? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah insentif-insentif yang boleh diberikan untuk mengembangkan potensi murid-murid yang cerdas seperti Aiman Aqil? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** persoalan lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda *mengadukan halnya* ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?"

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, "Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawanan anak isterinya bersungguh-sungguh."

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Sasbadi Sdn. Bhd.

- (i) Berikan maksud *mengadukan halnya*. [2 markah]
- (ii) Tun Perak telah memberikan beberapa peringatan kepada Seri Amerta. Nyatakan peringatan-peringatan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah Tun Perak menyuruh orang Kelang datang ke Melaka untuk berperang dengan membawa anak dan isteri mereka?

Berikan **dua** alasan. [3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Gurindam Dua Belas
(Fasal yang Ketiga)

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fil yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan maksud **rangkap kelima** dalam gurindam di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan menjaga tingkah laku? [3 markah]
- (iii) Berdasarkan gurindam di atas, huraikan **dua** nilai yang dapat diamalkan oleh pelajar pada hari ini. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

- (a) *Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) menelan
- (ii) memotong
- (iii) menahan

[6 markah]

- (b) *Tukar ayat-ayat di bawah ini kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Pak Ahmad telah menjual sawah di hujung kampung itu.
- (ii) Keropok, lekor sangat popular di Terengganu kerana rasanya yang enak.
- (iii) Dedaun kering berguguran di halaman rumah apabila angin bertiup kencang.

[6 markah]

- (c) *Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Makanan asas seperti karbohidrat, lemak, protin, mineral dan vitamin amat diperlukan oleh manusia untuk membekal tenaga. Oleh itu, setiap ibu-bapa perlu sedar tentang kepentingan pemakanan yang seimbang untuk menjaga kesihatan anak-anak mereka. Pengambilan lemak yang melebihi di dalam saluran darah akan menyempitkan pembuluh darah seterusnya boleh menyebabkan penyakit hipertensi.

[6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
- (i) Senarai nama-nama pengawas yang terlibat dalam latihan kepemimpinan itu ada pada setiausaha.
 - (ii) Ali berasa sesal kerana permohonannya ke universiti yang dia suka ditolak.
 - (iii) Kedengaran dari jauh ibu menyanyikan anak kecilnya dengan puisi lama-puisi lama.

[6 markah]

- (e) Tulis **satu** ayat bagi setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.
- (i) Tangan kosong
 - (ii) Bagai bulan jatuh ke riba
 - (iii) Ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
 - (ii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 - (iii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (v) Tirani karya Beb Sabariah
 - (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (vii) Silir Daksina karya Md. Nizar Parman
 - (viii) Bimasakti Menari karya Seri Rahayu Md. Yusop
- (a) Watak utama merupakan watak yang menggerakkan keseluruhan cerita. Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan perwatakan watak utama yang menonjol. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** latar tempat yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT